

KAJIAN TERHADAP BULAN BINTANG: KEPENTINGAN PENGAWALAN KUALITI DALAM MENINGKATKAN KEPERCAYAAN PELANGGAN

Noorul Aisyah Afrina Mohammad Sa'id¹, Sharifah Zahirah Syed Mohd Thaufik²,
Fatin Nabila Zai^{3*}, Nurul Asyikin Azarizam⁴

^{1,2,3} Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Melaka, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received:

06/08/2025

Revised:

03/03/2026

Accepted:

13/03/2026

Online first:

Published 10/03/2026

Keywords:

Bulan Bintang,
Kepercayaan Pelanggan,
Nilai Islam, Pengawalan
Kualiti, Pengurusan Jenama

DOI:

doi.org/10.24191/5pm77q04

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan kepentingan pengawalan kualiti dalam meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap jenama tempatan, khususnya bagi jenama Bulan Bintang. Kajian ini menggunakan pendekatan metodologi secara kualitatif dengan nilai-nilai yang berpandukan Al-Quran dan Sunnah. Hasil sorotan kajian menunjukkan untuk membina keyakinan pelanggan terhadap produk, pengurusan jenama mestilah berintegrasikan nilai-nilai Islam seperti kejujuran, amanah dan tanggungjawab. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara kepercayaan pelanggan dan pengurusan kualiti yang sistematik melalui sorotan terhadap jurnal yang memfokuskan kepada rekaan pakaian, pengurusan kualiti dari aspek Islam. Rekaan fesyen yang menepati kehendak syariah dan pendekatan Islamik turut memberi impak kepada persepsi pelanggan terhadap kualiti produk. Perkara ini perlulah ditekankan untuk mengawal mutu dan menjaga imej jenama Bulan Bintang. Oleh itu, Bulan Bintang perlu mengamalkan pendekatan yang berasaskan nilai Islam dalam pengawalan kualiti bagi mengukuhkan lagi kepercayaan dan kesetiaan pelanggan terhadap jenama.

STUDY ON BULAN BINTANG: THE IMPORTANCE OF QUALITY CONTROL IN INCREASING CUSTOMER TRUST

Abstract

This article discusses the importance of quality control in increasing customer trust in local brands, especially for the Bulan Bintang brand. This study uses a qualitative methodological approach with values guided by the Quran and Sunnah. The results of the study show that to build customer trust in products, brand management must integrate Islamic values such as honesty, trust and responsibility. This study was also conducted to identify the relationship between customer trust and systematic quality management through a review of journals that focus

¹ Corresponding author. E-mail address: fatinnabila@gmail.com
<https://doi.org/10.24191/5pm77q04>

on clothing design, quality management from an Islamic perspective. Fashion design that meets the requirements of sharia and an Islamic approach also has an impact on customer perceptions of product quality. This should be emphasized to control quality and maintain the Bulan Bintang brand image. Therefore, Bulan Bintang needs to adopt an approach based on Islamic values in quality control to further strengthen customer trust and loyalty to the brand.

Keywords: Brand management, Bulan Bintang, Customer trust, Islamic values, Quality control.

PENGENALAN

Kualiti produk merujuk kepada tahap keunggulan sesuatu barang atau perkhidmatan yang memenuhi atau melebihi jangkaan pengguna. Kualiti bukan sahaja menjadi faktor utama yang membezakan antara pesaing malah ia juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan kepuasan pelanggan, membina kepercayaan jenama serta meningkatkan keuntungan syarikat dalam persekitaran perniagaan yang kompetitif. Produk yang berkualiti tinggi biasanya mempunyai ketahanan, fungsi dan keselamatan yang baik serta mematuhi piawaian industri. Oleh itu, memahami dan mengurus kualiti produk adalah penting bagi memastikan kejayaan jangka panjang sesebuah organisasi. Kualiti produk juga merupakan aspek terpenting dalam memastikan kepuasan pelanggan dan kelangsungan jenama lebih-lebih lagi dalam industri fesyen yang semakin kompetitif.

Bulan Bintang merupakan jenama pakaian tempatan yang semakin mendapat tempat di hati rakyat Malaysia. Bulan Bintang diasaskan pada 2016 dengan matlamat untuk menyediakan reka bentuk minimalis kepada pakaian tradisional sambil mengekalkan ciri khas dan tradisinya. Bulan Bintang bercita-cita untuk menyediakan kualiti tinggi untuk pakaian lelaki muslim bersama-sama dengan rangkaian terkini mereka dan pada tahun 2022 dengan memperkenalkan pakaian sederhana untuk wanita dan kanak-kanak. Koleksi raya pada tahun 2022 yang dikeluarkan Bulan Bintang kembali secara eksklusif dengan pilihan warna baharu untuk lelaki dan wanita. Tambahan pula, Bulan Bintang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menghasilkan produk berkualiti tinggi dari segi rekaan, material dan ketelitian jahitan. Bulan Bintang bermula sebagai jenama baju melayu moden kemudian berkembang dengan pelbagai koleksi yang menampilkan gabungan tradisi dan gaya kontemporari. Namun, penekanan terhadap kualiti perlu diambil berat bagi memastikan jenama ini kekal relevan di pasaran. Penekanan terhadap kualiti bukan sahaja membantu membina imej jenama yang kukuh tetapi juga memastikan keselesaan dan kepuasan pengguna setiap kali mereka mengenakan pakaian keluaran Bulan Bintang.

SOROTAN KAJIAN

Cabaran Pengurusan Kualiti Dalam Industri Fesyen Muslim

Seseorang muslim adalah sangat dituntut untuk memiliki nilai-nilai Islam dalam dirinya untuk menjadi paksi dalam segala tindakan atau pekerjaan yang dilakukannya. Menurut Hasan Al-Banna Mohamed, Ab Mumin Ab Ghani dan Siti Arni Basir (2015), nilai atau prinsip iman sangat penting untuk memastikan setiap amalan mendapat keredaan Allah SWT. Terdapat beberapa isu yang telah dikaitkan dengan pengurusan kualiti di dalam jurnal syariah bertajuk “Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam berasaskan Al-Quran dan Integrasi Ilmu Sainifik” jilid 23.

Antara isu cabaran dalam industri fesyen muslim yang telah diketengahkan adalah kegagalan untuk menghayati nilai tawhidi (tauhid) secara menyeluruh dalam struktur dan budaya kerja. Nilai tawhidi bermaksud setiap aspek pengurusan mestilah berpaksikan kepada keimanan kepada Allah SWT dan bertujuan untuk mencapai keredhaan-Nya. Namun begitu, banyak organisasi yang hanya menumpukan kepada keuntungan material dan populariti produk semata-mata tanpa menilai sama ada rekaan atau bahan yang digunakan benar-benar menepati prinsip Islam. Sebagai contoh, fesyen yang dilabel sebagai *modest wear* seperti *slim fit* kini tular dalam beberapa perniagaan antaranya ialah Bulan Bintang. Walaupun penampakan bentuk badan atau menggunakan model yang tidak menepati batas syarak adalah antara bentuk kegagalan nilai tawhidi, tetapi mereka tidak menghiraukannya. Ini menunjukkan

pula akan memastikan standard kualiti dipatuhi dari kilang hingga ke tangan pembeli, sekaligus memperkukuh kedudukan Bulan Bintang sebagai peneraju jenama baju melayu moden di Malaysia dan rantau ini.

Peranan Nilai Islam Dalam Pengurusan Kualiti Dan Kepuasan Pelanggan

Sistem pengurusan kualiti telah menjadi strategi penting untuk memastikan konsistensi, kecekapan dan kepuasan pelanggan merentasi pelbagai sektor organisasi. Walaupun pengurusan kualiti tertumpu pada elemen teknikal seperti pengurusan risiko, kawalan proses dan penambahbaikan berterusan, namun perbincangan ilmiah telah menekankan keperluan untuk dimensi etika dan berasaskan nilai. Berdasarkan kajian Siti (2019), di institusi pengajian tinggi awam Malaysia telah mengenal pasti lima nilai Islam utama iaitu Shura (perundingan), Itqan (ketepatan dan kecemerlangan), disiplin dan tanggungjawab (amanah), dan Istiqamah (konsisten) yang secara kolektif meningkatkan keberkesanan dan asas etika amalan ISO 9000 dengan menyepadukan nilai Islam ke dalam rangka kerja pengurusan kualiti. Nilai-nilai ini menggalakkan pendekatan yang lebih holistik dan sejajar secara rohani terhadap pengurusan kualiti terutamanya dalam organisasi yang beroperasi dalam konteks Islam. Di sebalik pasaran yang kukuh dan populariti Bulan Bintang, jenama itu mendapat perhatian umum semasa musim perayaan apabila pelanggan membuat aduan tentang kualiti produk yang kurang baik termasuk jahitan yang rosak dan kain yang tidak berkualiti. Keadaan ini sangat berkait rapat dengan hubungan di antara jenama dan pengurusan operasinya sebagai sebuah perniagaan. Sekiranya syarikat itu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam, masalah ini mungkin dapat dielakkan. Sebagai contoh, Itqan yang menekankan kerja yang dilakukan dengan tepat dan cemerlang sangat mengambil berat terhadap kualiti kerja. Manakala, Istiqamah pula menyokong kualiti yang konsisten walaupun berada di bawah tekanan pengeluaran produk yang mendapat permintaan tinggi. Tambahan pula, tanggungjawab memerlukan ketelusan dan akauntabiliti dalam menangani kebimbangan pelanggan. Selain itu, Shura boleh memudahkan perundingan dalaman dan maklum balas yang lebih baik antara pasukan pengeluaran dan unit kawalan kualiti. Akhir sekali, disiplin memastikan pematuhan kepada prosedur standard yang dapat mengurangkan kemungkinan berlakunya kesilapan.

Kesimpulannya, kajian yang dilakukan oleh Siti (2019) menunjukkan bahawa menyepadukan nilai Islam ke dalam amalan pengurusan kualiti ISO 9000 meningkatkan kepercayaan awam dan kepuasan pelanggan. Dalam dunia perniagaan seperti isu kualiti Bulan Bintang, ternyata pendekatan berasaskan nilai Islam bukan sahaja mengekalkan ketepatan dan kecemerlangan pada proses dalaman tetapi juga boleh mengukuhkan jenama produk dan meningkatkan kepercayaan awam serta meningkatkan kepuasan pelanggan. Di negara Malaysia yang majoritinya adalah orang Islam, menyelaraskan pengurusan kualiti dengan prinsip etika Islam bukan sahaja sesuai dari segi budaya tetapi juga berkesan dari segi strategik. Pengurusan kualiti yang berjaya berteraskan nilai Islam yang memberi inspirasi kepada integriti, tanggungjawab dan kecemerlangan berterusan.

Kreativiti Dan Kompetensi Dalam Menyokong Kualiti Fesyen Muslim

Dalam mengikuti industri fesyen yang semakin berkembang di Malaysia, terdapat dua aspek utama dalam mengekalkan kualiti produk iaitu kreativiti dan kompetensi tenaga kerja. Perkara ini dapat dilihat artikel “Kreativiti Dalam Rekaan Fesyen dan Pakaian: Tinjauan Sistemik”. Artikel ini menekankan bahawa kreativiti bukan sahaja sekadar menghasilkan rekaan yang menarik namun ia perlulah menepati nilai budaya dan syariah yang telah ditetapkan dalam Islam. Aspek ini merangkumi kemampuan pereka pakaian untuk menghasilkan pakaian yang moden, selesa dan sopan untuk dipakai. Pakaian mestilah menutup aurat dan sesuai seiring dengan imej Islamik kerana untuk mencari pakaian, bukanlah berlandaskan kecantikan semata. Pereka pakaian juga mestilah mengikuti penanda aras penting dalam mengekalkan nilai dan keunikan sesebuah jenama dengan menitikberatkan faktor penggunaan fabrik yang berkualiti tinggi, pemilihan warna dan potongan inovatif.

Bagi artikel “Keperluan Kompetensi Rekaan Fesyen Pakaian” (REFP) dalam Industri Fesyen” dapat dilihat bahawa penulis menekankan faktor yang mempengaruhi hasil akhir produk fesyen adalah kompetensi pereka dan produksi pekerja. Pereka yang mahir mampu menjadikan produk bagi sesebuah jenama bukan sahaja bergaya namun juga tahan lama. Pereka juga mestilah mampu untuk menyesuaikan

elemen estetika sesuai dengan fungsi baju yang dihasilkan. Kecekapan dan kualiti pengeluaran juga dapat ditingkatkan dengan latihan berterusan serta pengalaman kerja yang dimiliki oleh sesebuah pereka atau pekerja.

Kedua aspek kreativiti dan kompetensi dapat dikaitkan dengan jenama Bulan Bintang yang terkenal dengan rekaannya yang masih mematuhi syarat menutup aurat diikuti dengan pemilihan warna-warna kontemporari pada pakaian yang mampu menarik minat setiap lapisan masyarakat dan mengekalkan rekaan yang masih moden. Namun dapat dilihat pada awal tahun 2024, Bulan Bintang telah menghadapi kontroversi yang timbul apabila pelanggan memberi kritikan mengenai kualiti produk yang dihasilkan. Bulan Bintang telah mengadakan perbincangan secara terbuka bersama pelanggan yang kurang berpuas hati. Prinsip amanah dan ihsan dikaikan kerana hal ini jelas menunjukkan Bulan Bintang menitikberatkan kepuasan pelanggan dan komitmen terhadap penambahbaikan kualiti dalam pengurusan kualiti Islam. Hasilnya, Bulan Bintang berjaya mengaplikasikan kedua elemen untuk membina kepercayaan pelanggan sekaligus mengekalkan kualiti produk. Dapatan dari kedua artikel ini adalah seiring dengan amalan yang diterapkan dan juga menyarankan bahawa asas untuk memperkasakan jenama fesyen Muslim yang kekal relevan dan berdaya saing adalah dari pengukuhan kreativiti dan kemahiran.

METODOLOGI KAJIAN

Kedua-dua artikel ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif, namun berbeza dari segi strategi pengumpulan data, sasaran populasi, dan fokus isu yang dikaji. Artikel pertama, “Keperluan Kompetensi Rekaan Fesyen Pakaian dalam Industri Fesyen” oleh Arasinah Kamis et al. (2013), menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif yang dijalankan melalui temu bual kumpulan berfokus. Kajian ini melibatkan 16 orang tenaga pengajar dari Institut Latihan Kemahiran Awam (ILK) yang dibahagikan kepada dua kumpulan. Pemilihan responden dilakukan secara persampelan bertujuan, iaitu hanya individu yang mempunyai pengalaman lebih tujuh tahun dalam bidang rekaan fesyen pakaian dan berkelayakan akademik serta teknikal. Kajian ini dikendalikan oleh penyelidik sendiri sebagai moderator, dan hasil perbincangan dianalisis untuk mengenal pasti kompetensi yang diperlukan dalam bidang fesyen.

Sebaliknya, artikel kedua, “Nilai-Nilai Islam Dalam Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000: Kajian Kes Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia” oleh Siti Arni Basir et al. (2019), juga menggunakan kaedah kajian kualitatif berbentuk kajian kes, namun memfokuskan kepada pelaksanaan nilai-nilai Islam dalam konteks pengurusan berkualiti di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang telah mendapat pensijilan ISO 9000. Data dikumpul melalui temu bual separa struktur melibatkan 20 orang informan daripada tiga kategori iaitu pihak pengurusan fakulti, Pengurus Kualiti, dan pensyarah. Pemilihan informan juga dibuat secara persampelan bertujuan, iaitu hanya mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan ISO 9000. Proses analisis data dilakukan menggunakan analisis tematik mengikut kerangka Braun dan Clarke (2006), untuk membina tema-tema utama berkaitan nilai Islam seperti syura, itqan, istiqamah, tanggungjawab dan disiplin. Tempoh kajian berlangsung selama dua bulan, dan semua sesi temu bual direkod serta ditranskripsi secara sistematik bagi memastikan ketepatan analisis.

Manakala untuk artikel ketiga “Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran dan Integrasi Ilmu Sainifik” ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan terhadap sumber utama Islam iaitu Al-Quran dan Hadis, serta penggabungan integrasi dengan ilmu pengurusan moden. Penulis tidak menggunakan kaedah empirikal seperti temu bual atau soal selidik, sebaliknya menganalisis konsep-konsep pengurusan yang digariskan oleh wahyu dan membandingkannya dengan prinsip pengurusan kontemporari yang diambil daripada sumber saintifik seperti tulisan tokoh-tokoh Barat (seperti Deming, Covey, Morris) dan ilmuwan Islam. Kajian ini bersifat konseptual dan normatif, iaitu bertujuan mencadangkan satu sistem pengurusan yang ideal berdasarkan prinsip Islam. Nilai-nilai utama seperti tawhidi, amanah, keadilan, syura, dan amar ma'ruf nahi munkar dikenalpasti melalui penafsiran ayat-ayat Al-Quran, hadis serta sokongan daripada literatur ilmiah. Metodologi ini membolehkan pengarang mengemukakan satu kerangka pengurusan kualiti Islam yang menyeluruh, serta mencadangkan bagaimana ia boleh diintegrasikan dengan sistem pengurusan moden tanpa menyalahi syarak.

Akhir sekali, kajian untuk artikel bertajuk “Kreativiti Dalam Rekaan Fesyen dan Pakaian Tinjauan Sistematis” ini menganalisis sebelas artikel penyelidikan yang lepas mengenai kreativiti dalam rekaan fesyen dan pakaian. Metodologi yang digunakan merangkumi pelbagai reka bentuk kajian, di mana lima artikel menggunakan kaedah kualitatif, empat menggunakan kaedah kuantitatif, dan dua menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif. Pengumpulan data melibatkan penggunaan borang soal selidik, analisis bahan transkripsi, teks, ilustrasi fesyen, dan sampel fabrik, serta kaedah kajian tindakan dan analisis refleksi pelajar. Selain itu, temu bual dan pemerhatian turut digunakan. Data pula dianalisis menggunakan pelbagai teknik seperti analisis data wacana, deskriptif, pengekodan, analisis refleksi dengan NVivo, analisis statistik perisian SPSS dan Amos, analisis varians skor purata, analisis tematik, analisis soal selidik, pemerhatian berstruktur, dan analisis pendokumentasian. Secara keseluruhannya, perbezaan ini menjelaskan kepelbagaian pendekatan metodologi dalam memenuhi objektif kajian masing-masing.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengurusan Kualiti Berdasarkan Nilai Islam

Kajian yang dijalankan oleh Hasan Al-Banna Mohamed et al. (2020) menunjukkan bahawa sistem pengurusan kualiti dalam Islam berasaskan Al-Quran adalah menyeluruh dan menekankan keseimbangan antara pencapaian dunia dan akhirat. Lima nilai utama yang menjadi tunjang kepada pengurusan berkualiti Islam dikenal pasti, iaitu konsep tawhidi (Tauhid), amanah dan akauntabiliti, amar ma’ruf dan nahi munkar, pelaksanaan keadilan (‘adalah), serta prinsip syura. Nilai-nilai ini membentuk asas kukuh dalam membina integriti organisasi yang tidak hanya mengejar keuntungan tetapi juga keberkatan. Sifat amanah dan bersungguh-sungguh dalam berkerja ini turut berkait-rapat dengan prestasi dan kecemerlangan tadbir-urus sesebuah organisasi (Muhammad Shahrulnizam, 2020). Kajian turut mendapati bahawa pendekatan pengurusan barat bersifat materialistik dan terhad kepada kejayaan luaran, manakala pendekatan Islam menjurus kepada pembangunan insan secara holistik. Justeru, integrasi antara ilmu pengurusan moden yang tidak bercanggah dengan syariah dan prinsip wahyu adalah sangat ditekankan dalam memantapkan sistem pengurusan organisasi dan perniagaan Muslim.

Perbincangan artikel ini turut mengupas bahawa nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam organisasi memberi kesan besar terhadap pembentukan budaya kerja yang positif dan berkualiti. Nilai tawhidi menjadikan pekerjaan sebagai ibadah, yang membina sifat seperti ikhlas, sabar dan disiplin. Kepimpinan pula perlu berasaskan amanah dan akauntabiliti bukan sahaja kepada manusia, tetapi juga kepada Allah SWT, menjadikan setiap keputusan lebih telus dan beretika. Selain itu, pelaksanaan amar ma’ruf dan nahi munkar menjadi mekanisme kawalan dalaman organisasi yang mencegah penyelewengan. Nilai keadilan pula memastikan hak semua pihak dijaga tanpa diskriminasi, manakala prinsip syura menggalakkan keterlibatan kolektif dalam membuat keputusan. Kesimpulannya, nilai-nilai ini bukan sahaja menjamin pengurusan yang efektif dan efisien, tetapi juga memastikan kejayaan hakiki dan keredhaan Allah sebagai matlamat tertinggi dalam sesebuah organisasi dan perniagaan Islam.

Kreativiti Dan Inovasi Dalam Rekaan Fesyen

Kreativiti dalam rekaan fesyen merupakan elemen asas yang menjana pemikiran inovatif dan kritis dalam kalangan pereka. Berdasarkan kajian sistematik oleh Noorhana Mohammad dan Ruhizan Mohamad Yasin (2022), kreativiti bukan sahaja berperanan dalam menyelesaikan masalah rekaan, malah memperkaya nilai estetika dan identiti sesuatu pakaian. Rekaan fesyen yang kreatif turut mencerminkan budaya, sejarah dan nilai masyarakat setempat. Sebagai contoh, jenama tempatan seperti Bulan Bintang telah berjaya menggabungkan elemen warisan tradisional dalam baju melayu moden dengan gaya kontemporari, menjadikannya relevan dan digemari oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Inovasi pula berfungsi sebagai pemangkin dalam memperkukuh daya saing industri fesyen. Penggunaan teknologi seperti e-tekstil, rekaan digital dan teknik manipulasi fabrik membolehkan pereka menghasilkan rekaan yang lebih dinamik dan menepati keperluan pengguna masa kini. Di peringkat tempatan, Bulan Bintang merupakan antara jenama yang aktif menerapkan inovasi melalui penggunaan

fabrik khas yang lebih selesa, sistem pengukuran saiz digital serta pendekatan produksi berasaskan data pelanggan. Ini menjadikan jenama tersebut lebih efisien dan responsif terhadap kehendak pasaran moden.

Selain itu, pendidikan dalam bidang fesyen berperanan penting dalam memupuk bakat dan kemahiran kreatif. Melalui pembelajaran berasaskan projek, eksperimen dan aplikasi teknologi, pelajar bukan sahaja belajar teori, tetapi turut membina kemahiran reka bentuk yang praktikal dan berkesan. Kolaborasi antara institusi pendidikan dan industri seperti Bulan Bintang mampu menyediakan peluang latihan dan pendedahan sebenar kepada pelajar fesyen, sekaligus melahirkan pereka muda yang lebih bersedia dan berdaya cipta. Gabungan antara kreativiti, inovasi dan latihan profesional ini menjadi asas penting dalam memacu kemajuan industri fesyen tanah air.

Kompetensi Dan Kemahiran Profesional Dalam Rantaian Fesyen

Berdasarkan kajian Kamis (2013), keperluan kritikal bagi graduan fesyen untuk menguasai kecekapan teknikal termasuk penilaian tekstil, pengetahuan reka bentuk dan kemahiran perniagaan untuk memenuhi jangkaan industri fesyen. Pengetahuan tentang penggunaan fabrik yang sesuai dan penilaian kualiti pakaian kurang ditekankan disebabkan oleh perubahan kurikulum dan sistem pembelajaran modular. Ini membawa kepada terputusnya hubungan di antara persediaan akademik dan permintaan industri dunia sebenar sehingga boleh menjejaskan kebolehpasaran dan prestasi graduan fesyen. Jika pengeluaran Bulan Bintang lebih lengkap dengan kecekapan seperti menilai tekstil, mengikuti trend semasa dan menggunakan fabrik yang sesuai dapat mengelakkan kegagalan kualiti.

Selain itu, berdasarkan kajian Kamis (2013), perubahan kurikulum yang berulang dalam pendidikan fesyen mungkin menyumbang kepada jurang kemahiran dalam kalangan pereka muda yang memasuki alam pekerjaan. Jurang ini sangat nyata dalam senario perniagaan sebenar seperti Bulan Bintang, di mana kekurangan pengetahuan produk, jaminan kualiti dan persediaan secara runcit. Hal ini kerana, Bulan Bintang melakukan pengeluaran secara besar-besaran terutamanya pada musim perayaan kerana mendapat permintaan yang tinggi. Oleh itu, gabungan pengurusan kualiti yang mengikuti nilai dan pendidikan fesyen berasaskan kompetensi adalah penting bukan sahaja untuk melahirkan graduan yang kompeten tetapi juga untuk mengekalkan reputasi dan prestasi jenama fesyen tempatan dalam pasaran yang kompetitif. Menurut Zaharuzaman (2016), apabila kita membicarakan persoalan kompetitif atau berdaya saing di peringkat global, maka perlulah dihubungkan dengan kriteria pematuhan piawaian antarabangsa, memenuhi keperluan kualiti, keselamatan dan alam sekitar untuk meningkatkan akses pasaran produk. Kesimpulannya, Bulan Bintang perlu mengambil kira semua aspek bagi mengekalkan jenama mereka kekal relevan di pasaran.

Integrasi Nilai Dan Teknologi Dalam Penjenamaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggabungan nilai-nilai Islam dengan penggunaan teknologi secara beretika dan strategik dapat mengukur kejayaan penjenamaan dalam industri fesyen Muslim moden yang kian pesat. Berdasarkan artikel “Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran dan Integrasi Ilmu Sainifik” dan “Nilai-Nilai Islam Dalam Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000”, dalam menghasilkan produk yang berkualiti, ia mestilah ditekankan dari aspek komunikasi dan pendekatan pengurusan yang berpandukan nilai seperti kejujuran, ihsan dan amanah.

Platform e-dagang dan sistem pra-tempahan (*pre-order*) yang mesra pengguna digunakan oleh Bulan Bintang dalam membesarkan legasi jenama ini dan untuk operasi harian syarikat selaras dengan dapatan artikel oleh Hasan (2020) yang menekankan kepentingan integrasi teknologi dalam sistem pengurusan berkualiti berlandaskan nilai Islam. Dapatan juga jelas menunjukkan penggunaan media sosial oleh Bulan Bintang membina kepercayaan antara jenama dan pelanggan serta meningkatkan keberkesanan komunikasi seperti yang dapat dikaitkan dengan isu yang dilaporkan oleh MalaysiaGazette (2024). Bulan Bintang memberi penjelasan terbuka kepada pelanggan berkenaan isu yang kualiti produk menggunakan platform yang sekaligus memperlihatkan nilai kejujuran dan keterbukaan yang ditegaskan oleh ajaran Islam.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan untuk membina penjenamaan yang mesra pelanggan dan diyakini, penggabungan teknologi moden dan nilai Islam menjadi teras utama dalam membina asas yang

kukuh sesebuah perniagaan. Bulan Bintang dapat dijadikan sebagai contoh sebagai sebuah jenama baju yang berkembang pesat dalam industri fesyen Muslim tentang bagaimana kaedah perniagaan ini memberi impak positif kepada imej perniagaan serta meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap jenama yang menjadi pilihan.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa pengurusan kualiti berasaskan nilai Islam adalah elemen penting dalam meningkatkan kepercayaan dan kepuasan pelanggan terhadap jenama fesyen Muslim seperti Bulan Bintang. Nilai-nilai seperti amanah, itqan (ketekunan dan ketepatan), istiqamah (konsistensi), dan syura (perundingan) bukan sahaja memperkukuh integriti organisasi, malah membantu memastikan setiap proses pengeluaran dan pemasaran selari dengan prinsip syariah dan etika Islam. Cabaran utama yang dikenal pasti termasuk kelemahan dalam penerapan nilai Islam, kekurangan kompetensi teknikal, serta jurang antara pendidikan dan kehendak industri. Bulan Bintang telah menunjukkan kesungguhan untuk mengatasi isu kualiti dengan mendengar maklum balas pelanggan, melakukan penambahbaikan berterusan dan mengintegrasikan teknologi seperti sistem pra-tempahan dan media sosial. Penggabungan antara nilai Islam dan inovasi teknologi membentuk asas kukuh dalam pembinaan jenama yang diyakini serta mampu bersaing dalam industri fesyen yang dinamik. Justeru, pendekatan holistik yang menggabungkan aspek spiritual, teknikal, dan estetika perlu diteruskan untuk memastikan kelangsungan dan keberkatan dalam perniagaan fesyen Muslim di Malaysia.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, syukur Alhamdulillah diucapkan terima kasih Allah kerana memberikan kami kesihatan yang baik sepanjang menyempurnakan penulisan artikel ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan artikel ini.

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada pensyarah kami, Profesor Madya Dr. Mohd Faizal Bin P. Rameli, atas bimbingan, ilmu pengetahuan dan sokongan yang telah diberikan sepanjang penyediaan tugas ini. Kepakaran dan maklum balas beliau amat membantu dalam meningkatkan pemahaman kami terhadap topik yang dikaji.

Seterusnya, penghargaan turut ditujukan kepada semua ahli kumpulan yang memberikan kerjasama yang baik sepanjang penulisan tugas ini. Komitmen dan tanggungjawab yang ditunjukkan amat dihargai dan menjadi kunci utama dalam menjayakan tugas ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga kami atas sokongan dan dorongan berterusan yang menjadi sumber motivasi dalam menyiapkan tugas ini. Bantuan mereka dari pelbagai aspek amat penting dalam memastikan kami kekal komited hingga ke akhir. Segala bantuan, sokongan dan dorongan yang diberikan amat kami hargai dan menjadi pemangkin semangat dalam menyempurnakan artikel ini.

RUJUKAN

- Basir, S. A., Ismail, S. H. S., Azmi, I. A. G., Mohamed, H. A., & Kamaruzzaman, S. N. (2019). Nilai-Nilai Islam Dalam Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000: Kajian Kes Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (Islamic Values in Quality Management System ISO 9000 Implementation: A Case Study in Malaysia Higher Education Institution). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 79–92. <https://doi.org/10.11113/umran2019.6n2.320>
- Hasan, Z., & Haron, M. (2020). Waqf and sustainable development: A model for Malaysia's underprivileged communities. *Journal of Islamic Development Studies*, 12(1), 89–104.
- Hoe, L.C. and Mansori, S. (2018). The Effects of Product Quality on Customer Satisfaction and Loyalty: Evidence from Malaysian Engineering Industry. *International Journal of Industrial Marketing*, 3(1), pp.20–35.
- Kamis, A., Bakar, A. R., Ramlah Hamzah, & Soaib Asimiran. (2013). Keperluan kompetensi Rekaan Fesyen Pakaian (ReFP) dalam industri fesyen. *Jurnal Perspektif*, 5(2), 60–74.
- MalaysiaGazette, W. (2024, February 1). Lepas kualiti dikecam, Bulan Bintang jemput pembeli tak puas hati. <https://malaysiagazette.com/2024/02/01/lepas-kualiti-dikecam-bulan-bintang-jemputpembeli-tak-puas-hati/>
- Mohammad, N., & Mohamad Yasin, R. (2022). Kreativiti Dalam Rekaan Fesyen Dan Pakaian: Tinjauan Sistematis. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 316–327. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.3.27>
- Mohamed, H. A.-B., Ab Ghani, A. M., & Basir, S. A. (2015). Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran Dan Integrasi Ilmu Sainifik. *Jurnal Syariah*, 23(1), 25–52. <https://doi.org/10.22452/js.vol23no1.2>
- Shahrulnizam Muhadi, M. (2020, November 27). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - Bayan Linnas Siri Ke 231 : Integriti Tonggak Kecemerlangan Tadbir Urus Organisasi. muftiwp.gov.my. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/4635-bayan-linnas-siri-ke-231-integriti>
- Wahab, S., Rahmat, A., Yusof, M. S., & Mohamed, B. (2016). Organization Performance and Leadership Style: Issues in Education Service. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 224(August 2015), 593–598
- Zaharuzaman, J., Razali, A. M., & Mustafa, Z. (2016). Hubungan Amalan Pengurusan Kualiti dan Prestasi Organisasi dalam Industri Pembuatan di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 78(6), 77–83. <https://doi.org/10.11113/jt.v78.5825>



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).